

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH:**

**YBHG TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN**

**SEMPENA**

**PROGRAM BUAL BICARA BERSAMA  
WARGA PENDIDIKAN PAHANG**

**24 APRIL 2018 (SELASA)**

**DEWAN SERI UTAMA  
BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN  
NEGERI PAHANG**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia.

Saudara/ saudari pengacara majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib  
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris  
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Tuan Haji Abdul Rahim bin Yunus  
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang

Yang Berusaha Tuan Haji Mohamed Kamal bin Hashim  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang

Dif-dif Kehormat, Pegawai-pegawai SPP, Pegawai-pegawai  
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pegawai-Pegawai  
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang, Tuan-tuan dan  
Puan-puan warga pendidik yang dihormati sekalian.

## PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu izinkan saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah kerana dapat hadir bersama-sama Tuan-tuan dan Puan-puan ke Majlis **PROGRAM BUAL BICARA DENGAN WARGA PENDIDIKAN NEGERI PAHANG** pada pagi yang ceria ini. Program ini merupakan kali ketiga dilaksanakan oleh SPP pada tahun ini selepas Sibu dan Kuching, Sarawak pada bulan 25 Januari dan 12 April 2018 yang lalu. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Tuan-tuan dan Puan-puan warga pendidik yang dapat meluangkan masa untuk hadir bersama bagi menjayakan program hari ini.

2. Program Bual Bicara ini merupakan satu inisiatif oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran bagi membolehkan Ahli Suruhanjaya berkongsi pengalaman dan kepakaran mereka yang berkhidmat melebihi 30 tahun terutama semasa menyandang jawatan tertinggi perkhidmatan awam khususnya sektor pendidikan sebelum bersara. Justeru itu, saya yakin Ahli Panel dan Moderator yang dipilih nanti mampu berbincang dan mengulas tajuk Program Bual Bicara kali ini iaitu "**Peranan Sekolah Dalam Pembangunan Negara Bangsa Maju**". Selain itu, program ini juga merupakan satu platform bagi SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik sektor pendidikan mendengar secara langsung permasalahan berkaitan urusan

perkhidmatan yang dihadapi oleh warga pendidik setempat seterusnya mencadangkan tindakan penyelesaian yang bersesuaian.

3. Pada hari ini juga, SPP turut membuka kaunter Konsultasi Perkhidmatan dan Tatatertib di Bilik-bilik Kuliah Seri Kuantan, Seri Pekan dan Seri Temerloh sehingga pukul 4.00 petang ini. Tuan-tuan dan Puan-puan yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan urusan perkhidmatan dan tatatertib adalah dipersilakan berjumpa dengan pegawai-pegawai SPP di bilik-bilik tersebut untuk berbincang mengenai cadangan penyelesaian terbaik bagi masalah yang sedang dihadapi.

## **KONSEP PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA MAJU**

YBhg Tan Sri dan para hadirin sekalian,

4. Pembangunan bangsa dalam sesebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia adalah amat penting dan sangat diperlukan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat supaya hasrat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 dapat dicapai. Dalam era globalisasi ketika ini, di mana maklumat disampaikan dengan pantas, bebas dan tanpa sempadan, pembangunan bangsa perlu ditekankan agar berkembang secara holistik dan seiring dengan peningkatan ekonomi dan teknologi yang pesat pada masa ini.

5. Sehubungan itu, saya berpandangan bahawa usaha ke arah pembangunan negara bangsa maju ini bermula dari alam pelajar yang bukan tertumpu kepada kecemerlangan dari aspek akademik tapi perlu merangkumi aspek siasah. Sikap dan nilai-nilai murni, kecintaan terhadap seni, warisan dan budaya serta pemantapan nilai spiritual dalam diri seorang pelajar hendak dipupuk dari peringkat awal persekolahan hingga mereka menjejak ke peringkat pengajian tinggi. Tugas berat ini selain menjadi tanggungjawab ibubapa, turut tergalas di bahu Tuan-tuan dan Puan-puan bagi memastikan pelajar yang akan menjadi pemimpin pada masa hadapan mempunyai daya tahan diri yang kuat dan mempunyai jati diri yang cemerlang seterusnya berupaya untuk mencurahkan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara yang tercinta.

## **PERANAN SEKOLAH DALAM PEMBANGUNAN NEGARA BANGSA MAJU**

YBhg Tan Sri dan para hadirin sekalian,

6. Seperti yang Tuan-tuan dan Puan-puan sedia maklum, sistem pendidikan di Malaysia ialah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Di samping pendidikan formal, sekolah juga menjadi pusat bagi pelajar melibatkan diri

dalam kegiatan sukan dan ko-kurikulum. Aktiviti-aktiviti ini dapat memantapkan keyakinan diri, menyemai bakat kepimpinan dan memupuk perpaduan dan semangat patriotisme di kalangan pelajar yang berbilang kaum.

7. Sehubungan itu, Tuan-tuan dan Puan-puan warga pendidik mempunyai tugas yang berat untuk dilaksanakan. Pada masa ini, tugas pendidik tidak hanya terhad di dalam bilik darjah sahaja tetapi turut terlibat dalam perancangan, tadbir urus, penggubalan dasar, penyelidikan, penilaian dan pemantauan berkaitan sektor pendidikan melalui pelbagai program yang diadakan oleh Kementerian sendiri atau agensi Kerajaan yang lain sepertimana program anjuran SPP yang diadakan pada hari ini. Moga informasi yang diperolehi Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini boleh dijadikan input penting bagi menambah baik tugas dan tanggungjawab mendidik yang sedang dilaksanakan ke atas anak bangsa kita, negaraku Malaysia tanpa mengira kaum. Disamping tugas mendidik, tuan-tuan dan puan-puan juga akan menjadi penentu bagi corak perpaduan generasi pelbagai kaum pada masa akan datang.

## **TADBIR URUS AKADEMIK DAN ORGANISASI**

YBhg Tan Sri dan para hadirin sekalian,

8. Saya juga mengambil kesempatan ini, menyentuh tahap kualiti penyampaian perkhidmatan sektor awam yang sentiasa mendapat pelbagai persepsi orang awam khususnya melalui media sosial berdasarkan salahlaku pegawai yang kerap di viralkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sehubungan itu, pihak Kerajaan sentiasa berusaha memastikan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan kerajaan dapat memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat sebagaimana yang digariskan dalam gagasan “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”. Bagi mencapai hasrat ini, warga pendidik sama ada di PPD, Politeknik, Kolej Komuniti, IPGM dan sekolah melalui transformasi minda dalam usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan yang berorientasikan rakyat kepada *stakeholders*.

9. Secara umumnya, saya percaya sebahagian besar warga pendidik diseluruh negara telah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi serta mendapat sokongan sewajarnya dari pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,

Pejabat Pendidikan Daerah serta Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

10. Namun demikian, masih terdapat segelintir penjawat awam termasuklah dari kalangan Anggota Perkhidmatan Pendidikan yang telah mencemarkan imej dan menimbulkan persepsi negatif terhadap organisasi dan perkhidmatan awam. Perkara ini terbit daripada tadbir urus yang tidak cekap, tidak telus, dan tidak bertanggungjawab dari kalangan penjawat awam itu sendiri. Hal ini perlu dibendung secepat mungkin sebelum ia mula merebak lebih parah yang akhirnya menjejaskan Aspirasi Nasional.

11. Maka pendidikan berkualiti yang berasaskan tadbir urus yang cemerlang dan inklusif menjadi amat penting. Ianya merangkumi prinsip amanah dan bertanggungjawab (*accountable*), telus (*transparent*), sedia memberi maklum balas (*responsive*), adil dan meliputi semua pihak (*equitable and inclusive*), berkesan dan cekap (*effective and efficient*), mematuhi kedaulatan undang-undang (*follows the rules of law*), mudah disertai dengan rela hati (*participatory*), dan berteraskan rundingan dan muafakat (*consensus oriented*).

12. Sesuai dengan kedudukan penjawat awam khususnya warga pendidik sebagai tulang belakang kepada Kerajaan yang memerintah, maka menjadi tanggungjawab kepada



semua warga pendidik sentiasa menjalankan tugas dengan cekap dan berkualiti bagi memberikan tanggapan yang positif kepada kerajaan. Kesetiaan warga pendidik kepada kerajaan sangat penting dan signifikan bagi memantapkan penyampaian kerajaan kepada rakyat berteraskan tadbir urus yang menyeluruh dan, ini membuktikan betapa pentingnya elemen governan dalam membangunkan negara maju menjelang tahun 2050. Sepertimana saranan YB Menteri Pendidikan, warga pendidik sewajarnya perlu sentiasa bersikap profesional supaya prinsip “bebas” dan “tidak berpihak” diamalkan dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat.

YBhg Tan Sri dan para hadirin sekalian,

13. Di kesempatan ini, saya ingin menarik perhatian Tuan-tuan dan Puan-puan mengenai Program Transformasi Nasional 2050 atau TN 50 di mana ia menjadi fokus utama Kerajaan dalam menentukan hala tuju negara pada masa akan datang demi membentuk Malaysia yang lebih berjaya dan disegani. Saya percaya dan yakin bahawa Tuan-tuan dan Puan-puan warga pendidik sedang memainkan peranan tersebut melalui pendedahan mengenai aspirasi dan harapan TN 50 kepada para pelajar supaya para pelajar ini dapat bersama-sama merealisasikan transformasi TN 50 mengikut wawasan dan acuan mereka sendiri.

14. Besarlah harapan saya, Tuan-tuan dan Puan-puan dapat memberikan sepenuh tumpuan bagi mendengar kupasan dan nasihat-nasihat yang disampaikan oleh ahli panel berhubung tajuk program bual bicara pagi ini iaitu “Peranan Sekolah Dalam Pembangunan Negara Bangsa Maju”. Moga maklumat yang diperolehi nanti dijadikan panduan dalam usaha tuan-tuan dan puan-puan menjalankan tugas yang diamanahkan.

15. Akhir kata syabas diucapkan kepada SPP kerana berjaya menganjurkan Program Bual Bicara pada hari ini. Semoga hubungan kukuh yang terjalin di antara SPP dan warga pendidik Negeri Pahang ini terus berkekalan dengan erat demi memantapkan perkhidmatan pendidikan agar kekal relevan seiring dengan perkembangan semasa.

16. Saya, dengan lafaz *Bismilahirrahmanirahim* dan penuh rasa besar hati dengan ini merasmikan **PROGRAM BUAL BICARA BERSAMA WARGA PENDIDIKAN PAHANG.**

*Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh*

Sekian, terima kasih.